# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SABTU 14 MAC 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | KARNIVAL MY BEST BUY AGROPRENEUR MUDA DITANGGUH, NASIONAL, SH -19<br>BELUM CADANG PERDENGARKAN ALUNAN AL-QURAN KEPADA TERNAKAN, NASIONAL, SH -20<br>JOM JADI AGROPRENEURI, RAP, HM -31 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4.<br><br>5. | MASALAH PENGAIRAN SAWAH PADI AKAN DIBERI PERHATIAN – JUNZ, NEWS, BORNEO TODAY -10<br>BANYAK PUNCA BEKALAN AIR KE SAWAH PADI TIDAK SAMPAI: JUNZ, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Karnival My Best Buy Agropreneur Muda ditangguh | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 14 Mar 2020 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 19 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 90 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,008 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,024 |



# Karnival My Best Buy Agropreneur Muda ditangguh

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) menangguhkan Karnival My Best Buy Agropreneur Muda yang dijadualkan berlangsung di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar, Perlis pada 13 hingga 15 Mac ini.

MOA dalam satu kenyataan semalam berkata, keputusan tersebut dibuat susulan perkembangan terkini penularan jangkitan wabak koronavirus (Covid-19) berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurut kenyataan itu, penularan Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia telah dikategorikan sebagai pandemik.

"KKM menerusi kenyataan akhbar pada 11 Mac lalu telah mengeluarkan gesaan supaya semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan Covid-19.

"Disebabkan itu, pihak pengurusan MOA perlu mengambil langkah proaktif dalam mencegah penularan wabak berkenaan demi kesihatan dan keselamatan seluruh warga tani serta masyarakat sekeliling," menurut kenyataan itu lagi.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Belum cadang pendengarkan alunan al-Quran kepada ternakan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 14 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 20 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,646 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,939 |



# Belum cadang pendengarkan alunan al-Quran kepada ternakan



**Che Abdullah (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan beras di bawah Skim Al-It'am di Wakaf Bharu dekat Kota Bharu semalam.**

**KOTA BHARU** - Idea memperdengarkan bacaan al-Quran kepada lembu bagi menghasilkan daging berkualiti di Kelantan belum dibawa ke peringkat Persekutuan.

Timbalan Menteri II, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, idea itu pernah dicadangkan kepada beliau ketika membarisi Exco Kerajaan Negeri Kelantan sebelum ini.

Menurutnya, sebarang usaha untuk menghasilkan produk makanan berkualiti pada peringkat Pusat akan diputuskan pihaknya melalui Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

"Belum ada (cadangan) lagi, cuma masa itu saya diberi cadangan kerana lembu berkualiti tinggi di Jepun diperdengarkan alunan muzik. Kami difahamkan ketenangan itulah menghasilkan daging dan tenusu yang lebih berkualiti.

"Jadi ada cadangan pada masa itu, kemungkinan untuk kita lihat barangkali muzik boleh tenangkan haiwan, maka alunan ayat suci juga boleh membantu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan bantuan beras di bawah Skim Al-It'am di Wakaf Bharu yang dihadiri lebih 200 penduduk setempat di sini semalam.

Sementara itu, mengulas mengenai pelantikannya, Che Abdullah optimis dengan tanggungjawab yang diberikan dan berharap dapat berkhidmat sebaik mungkin untuk rakyat.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | JOM JADI AGROPRENEUR! | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 14 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | Rap | Circulation | 112,705 |
| Page No | 31 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 833 cm² |
| Journalist | Najiy Jefri | AdValue | RM 32,689 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 98,067 |

[redacted]

# JOM JADI AGROPRENEUR!

## Haqiem dilantik jadi Ikon Selebriti JAM 2020 tarik generasi muda terbabit bidang pertanian




HASLINA (lima dari kanan) bersama Haqiem (enam dari kanan) dan peserta di Majlis Pra Pelancaran Program JAM 2020 di Wisma Tani.

**Oleh Najiy Jefri**
najiy.jefri@hmetro.com.my

**Menyedari** minat mendalam penyanyi, Haqiem Rusli ke arah bidang pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) melantik pelantun lagu Lembah Kesepian itu sebagai Ikon Selebriti Jelajah Agropreneur Muda (JAM) 2020.

Melihat pembabitan golongan muda mampu memberi impak positif, JAM 2020 mahu mendekati lebih ramai golongan muda terutama yang berusia 18 hingga 40 tahun menyertai aktiviti melalui pendekatan turun padang yang lebih santai.

Haqiem yang dilantik Ikon Selebriti JAM 2020 mengakui berminat dalam bidang pertanian.

Katanya, seawal usia 18 tahun lagi dia sudah menyimpan hasrat memiliki kolam ikan talapia, tetapi tidak tahu cara untuk merealisasikan projek itu.

Tambahan pula kekangan masa akibat komitmen kepada dunia muzik menyebabkan hasrat memiliki kolam ternakan ikan terpaksa ditangguhkan seketika.

"Keluarga saya berasal dari Hulu Langat. Aktiviti pertanian bukan sesuatu yang asing buat kami.

"Sejak kecil saya memasang impian membuka kolam ikan. Saya juga suka memancing ikan dan udang. Tetapi, selama ini saya tidak tahu kerajaan menyediakan pembiayaan untuk anak muda menceburi bidang ini," katanya pada sidang media di ibu pejabat MOA di Putrajaya, baru-baru ini.

Menurut Haqiem, selepas dilantik menjadi ikon itu, baru dia tahu kerajaan bukan sahaja menyediakan bantuan dana, malah kelas bimbingan percuma.

"Saya berharap kehadiran saya sebagai ikon mampu menarik lebih ramai generasi muda untuk terbabit dalam dunia pertanian yang mampu menjana pendapatan lumayan.

"Ketika ditawarkan sebagai ikon saya sendiri melihat usaha murni mereka untuk menarik lebih ramai generasi muda untuk terbabit dengan pendekatan pelbagai aktiviti yang dekat dengan generasi muda," katanya.



SIMPAN hasrat miliki kolam ikan talapia.

> Saya berharap kehadiran saya sebagai ikon mampu menarik lebih ramai generasi muda untuk terbabit dalam dunia pertanian yang mampu menjana pendapatan lumayan
>
> **HAQIEM**

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar MOA, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, pemilihan Haqiem sebagai Ikon Selebriti JAM dapat menarik golongan muda untuk menceburi bidang pertanian dan industri makanan.

"Mungkin selepas ini Haqiem bakal menjadi antara agropreneur muda berjaya.

"Kami berharap, Haqiem dapat membantu kementerian membawa mesej penting bahawa sektor pertanian memerlukan golongan muda dalam memastikan kelestarian industri ini," katanya.

Sejak diperkenalkan pada 2016, MOA membantu 5,819 peserta melalui kelulusan geran dan pembiayaan agropreneur muda.

Program itu akan diadakan di lima zon seluruh negara membabitkan zon utara, timur, Borneo, selatan dan tengah.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Masalah Pengairan Sawah Padi Akan Diberi Perhatian – Junz | | |
| MediaTitle | Borneo Today (www.borneotoday.net) | | |
| Date | 14 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,000 |

# Masalah Pengairan Sawah Padi Akan Diberi Perhatian – Junz

Oleh SURAIDAH ROSLANKOTA BELUD: Mesyuarat bersama pesawah-pesawah yang terjejas akibat sistem pengairan yang tidak sampai ke kawasan sawah mereka akan diadakan bagi mengenal pasti pendekatan terbaik dalam menyelesaikan permasalahan itu.
Menteri Pertanian...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Banyak punca bekalan air ke sawah padi tidak sampai: Junz | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 14 Mar 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,000 |

# Banyak punca bekalan air ke sawah padi tidak sampai: Junz

KOTA BELUD: Reka bentuk kurang sempurna akibat kekurangan dana dan penyelarasan tidak teratur antara punca bekalan air tidak sampai ke kawasan sawah padi di daerah ini.
Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Junz Wong berkata, saiz paip terlalu kec...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***